

MyGDI NEWSLETTER

1. **Komitmen PGN**
2. **Pemeriksaan PGN**
3. **Libat Urus PGN**
4. **Penglibatan Strategik PGN**

Halaman 1-2
Halaman 2-4
Halaman 5
Halaman 6



1 **Komitmen PGN:** Memperkukuh Khidmat Runding Geospacial bersama Agensi



MADA | 8 Januari

PGN telah menerima kunjungan daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kedah bagi perbincangan teknikal mengenai migrasi data AutoCAD ke format *GIS-ready*. Sesi yang dipengerusikan oleh Sr Muhd Yusri bin Jusoh, Ketua Penolong Pengarah PGN ini bertujuan memberi pandangan dan bantuan teknikal kepada MADA serta memperkukuh kerjasama strategik antara agensi Persekutuan dan Negeri dalam memacu pembangunan industri geospacial negara.



AADK | 13-14 Januari

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah mengadakan sesi *coaching* dan *mentoring* bersama Pusat Geospacial Negara (PGN) di Ibu Pejabat AADK bagi pembangunan API secara *batch* dan *bulk* untuk perkongsian data melalui MyGDX.



BPSP, KPKM | 21 Januari

Mesyuarat teknikal bersama Bahagian Pengairan dan Saliran (BPSP), Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) di Galeria PjH, Putrajaya telah diadakan bagi membincangkan keperluan teknikal pembangunan aplikasi GIS menggunakan platform MyGOS. Susulan mesyuarat ini telah diadakan Bengkel Semakan Data Geospacial bersama BPSP, KPKM pada 5 Februari bagi memastikan ketersediaan data mereka dapat diterbitkan dalam MyGOS.



JWN | 24-26 Februari

PGN, NRES telah menganjurkan Bengkel *Transfer of Technology* (TOT) bersama pegawai Jabatan Warisan Negara (JWN) bertempat di PGN bagi memperkukuh kerjasama menggunakan platform MyGOS di mana kedua-dua pihak telah berpeluang berkongsi ilmu dan bertukar pandangan untuk menambah baik perkhidmatan sedia ada di JWN.

PGN telah mengadakan sesi taklimat kepada delegasi *Malaysia Biodiversity Information System* (MyBIS) dan Bahagian Pengurusan Biodiversiti dan Perhutanan (BPBP) bagi memupuk kerjasama antara bahagian di bawah NRES, memperkukuh penggunaan teknologi digital dalam pembangunan infrastruktur biodiversiti serta mendapatkan input berkaitan kemudahan dan perkhidmatan PGN yang boleh dimanfaatkan bagi penambahbaikan perkhidmatan MyBIS.



MyBIS | 20 Mac

2 **Pemeriksaan PGN:** Memantapkan Peranan sebagai Penyelaras MyGDI



Mesyuarat Pelaksanaan Keperluan Proof of Concept (POC) bagi Platform SuperMap | 15 Januari | PGN, Putrajaya

Mesyuarat ini diadakan bagi menilai keberkesanan penggunaan teknologi SuperMap di PGN, NRES. PGN kekal komited untuk meneroka dan menilai kemajuan teknologi terkini daripada pelbagai sumber bagi meningkatkan keberkesanan serta kualiti penyampaian perkhidmatan di bawah Program MyGDI.

Pegawai PGN, NRES yang terlibat dalam pembangunan aplikasi GIS dan pentadbiran keselamatan ICT telah mengikuti latihan bagi memperkukuh pemahaman terhadap pengurusan keselamatan ArcGIS Enterprise di peringkat organisasi. Latihan ini bertujuan memastikan pengurusan dan tahap keselamatan platform kolaborasi MyGOS yang berasaskan ArcGIS Enterprise sentiasa berada dalam keadaan optimum dan selaras dengan polisi keselamatan yang ditetapkan.



Latihan Pengukuhan Keselamatan ArcGIS Enterprise | 20 Januari | Esri Malaysia, Shah Alam



Mesyuarat Pemantapan Hala Tuju Program MyGDI dan Kajian Semula SKU Tahun 2025 PGN, NRES | 22-24 Januari | Hotel Concorde, Shah Alam

Pihak pengurusan dan pegawai PGN, NRES telah bermesyuarat bagi menetapkan sasaran yang jelas, memperkukuh perancangan, serta memastikan output kerja yang lebih berkualiti untuk tahun mendatang.



Bengkel Pengesahan Data Negeri Pahang bagi Projek Perolehan Perkhidmatan Pengemaskinian, Verifikasi dan Pembangunan Data Geospasial Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan | 3-6 Februari | The Everly Putrajaya

Bengkel ini bertujuan menjalankan pengesahan dan semakan kualiti data geospasial POI bersama agensi Kerajaan Negeri Pahang bagi memastikan data yang dihasilkan berkualiti, tepat, terkini dan diperakui oleh custodian data. Seramai 26 peserta hadir, termasuk wakil PBT, BPEN, Bomba, JPBD, Jabatan Pendidikan dan PDRM Negeri Pahang.



Bengkel Pengesahan Data Negeri Terengganu bagi Projek Perolehan Perkhidmatan Pengemaskinian, Verifikasi dan Pembangunan Data Geospasial Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan | 24-27 Februari | Dash Box Hotel, Cyberjaya

Bengkel ini diadakan bagi menyemak dan mengesahkan kualiti data geospasial POI bersama agensi Kerajaan Negeri Terengganu bagi memastikan data yang tepat, terkini dan diperakui custodian. Seramai 25 peserta hadir dari pelbagai agensi negeri.

Ceramah Kesedaran Keselamatan ICT PGN, NRES Tahun 2025 | 27 Februari | PGN, Putrajaya

Bagi meningkatkan kesedaran terhadap ancaman siber yang kian berkembang, PGN, NRES telah menganjurkan program keselamatan ICT melibatkan seluruh warga kerja, dengan penekanan kepada perlindungan data dan aset ICT, pematuhan ISMS, serta langkah pencegahan risiko keselamatan. Perkongsian ilmu telah disampaikan oleh Dr. Mazlina binti Zammani daripada Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA).



Perbincangan bersama JMG berkaitan Konfigurasi Portal ke Portal | 5 Mac | PGN, Putrajaya

Satu sesi perbincangan bersama pihak Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) telah diadakan bagi membincangkan konfigurasi sambungan portal MyGOS ke MyGEMS dengan tujuan memastikan pembangunan aplikasi, perkongsian, dan pelepasan maklumat geospasial sentiasa terselaras dan memberi manfaat secara optimum.



Bengkel Information Security Risk Management and Controls Applicability Methodology | 10-14 Mac | NRES, Putrajaya

Bengkel yang disampaikan oleh Encik Shahrizal bin Mustapha ini diadakan bagi memperkukuh pemahaman dan kemahiran dalam pengurusan risiko selaras dengan keperluan ISMS mengikut standard ISO/IEC 27001:2022 sebagai persediaan ke arah pensijilan PGN, NRES pada Jun 2025.



PGN, NRES telah menerima kunjungan Knowledge Link Sdn. Bhd. (KLSB) bagi sesi *Technology Update* mengenai produk pengurusan repositori dokumen, NeuCanvas. KLSB yang diwakili oleh Encik Ahmad Yamani Fadzlin dan Encik Mohd Nazrul Hisham Putra turut berkongsi pengalaman, testimoni pelanggan, serta demonstrasi produk, selain bertukar pandangan mengenai amalan terbaik.



Sesi Technology Update KLSB ke PGN | 19 Mac | PGN, Putrajaya

Bengkel Pengesahan Data Negeri Kelantan bagi Projek Perolehan Perkhidmatan Pengemaskinian, Verifikasi dan Pembangunan Data Geospasial Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan | 17 April | Dorsett, Putrajaya

Bengkel ini bertujuan menjalankan pengesahan dan semakan kualiti data geospasial POI bersama agensi-agensi Kerajaan Negeri Kelantan bagi memastikan data yang tepat, terkini dan diperakui custodian. Seramai 25 peserta hadir, termasuk wakil dari pelbagai jabatan dan pihak berkuasa tempatan negeri Kelantan.



3

Libat Urus PGN: Menyampaikan Kepakaran melalui Jemputan Agensi



Hari GIS FSSK, UKM | 9 Januari | UKM

Hari GIS anjuran Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bertemakan "Geospatial Pemacu Masa Hadapan" telah menampilkan Sr Ismail bin Hussin, Ketua Penolong Pengarah (Seksyen Polisi dan Outreach), PGN, NRES sebagai panel forum. Sesi ini menjadi platform interaktif yang menghubungkan academia dan industri dalam bidang GIS serta merangsang minat terhadap teknologi geospatial.



GeoTIC 2.0 | 15 Januari | UiTM Perak

2nd *Geospatial Technology Innovation Competition* (GeoTIC 2.0) merupakan seminar anjuran Program Sains Ukur dan Geomatik, UiTM bagi mempromosikan bidang pengukuran, khususnya Sistem Maklumat Geografi (GIS) serta memupuk kesedaran dan inovasi teknologi geospatial dalam kalangan pelajar universiti. Encik Mohamad Fathudden bin Mohamad Basir, Penolong Pengarah, PGN, NRES telah mewakili pihak industri dengan pembentangan bertajuk "Pengenalan Kepada Pusat Geospatial Negara".



**Netherlands-Malaysia Forum |
26 Februari | DoubleTree Hilton, KL**

PGN, NRES telah dijemput untuk menyampaikan taklimat mengenai pelepasan data geospatial di Malaysia dalam forum "*Building a Collaborative Ecosystem Using Geospatial Data and Satellite Imagery to Enhance Food Security and Climate-Resilient Value Chains*". Taklimat bertajuk "*Development of Malaysia Geospatial Data Infrastructure (MyGDI)*" telah disampaikan oleh Puan Hajah Hafirah binti Jamaludin, Timbalan Pengarah Cawangan Aplikasi Geospatial, PGN, NRES.

NGGSIC | 16 April | POLISAS, Kuantan

4 pegawai PGN, Sr Jasmari Jamaludin, LSr Haji Fairuzam Rani, Tuan Haji Nor'hisham Othman dan Puan Mas Juliza Alias telah menjadi panel penilai industri sempena *12th National Geomatics/Geoinformatics Student Innovation Competition* (NGGSIC) 2025 yang mempertandingkan 56 penyertaan pelajar IPTA dan IPTS seluruh negara dalam kategori peta kreatif dan inovasi sistem/gajet bagi peringkat Diploma dan Ijazah. NGGSIC 2025, yang dirasmikan oleh YBrs. LSr Dr. Mohd Yunus Mohd Yusoff ini menjadi platform memupuk kreativiti pelajar dalam bidang Geomatik/Geoinformatik.



4

Penglibatan Strategik PGN: Menyokong Pembangunan Industri Geospasial

Drone Academy Asia Corporate Day | 16 Januari | Futurise, Cyberjaya

Pegawai PGN, NRES telah menghadiri hari korporat yang telah dianjurkan oleh Drone Academy Asia. Hari korporat ini bertujuan sebagai pendedahan teknologi terkini dron dan 'live demo' penerbangan dron kepada para peserta yang terdiri daripada alumni akademi, pegawai kerajaan serta swasta yang berkaitan.



6th Informal Meeting of ASEAN Geospasial Agency | 8 April | SLA, Singapura

Buat pertama kalinya, 2 pegawai PGN, NRES, Sr Jasmari Jamaludin dan Encik Hanafi Bujang telah mewakili Malaysia dalam 6th Informal Meeting of ASEAN Geospasial Agency di Singapore Land Authority (SLA), yang menjadi platform perkongsian inisiatif dan cabaran geospasial antara negara ASEAN. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Mr. Colin Low, *Chief Executive*, SLA dan turut dihadiri wakil dari Thailand, Indonesia, Filipina, Vietnam dan Brunei.



Geo Connect Asia 2025 | 9 -10 April | Sands Expo & Convention Centre, Singapura

Sr Jasmari Jamaludin dan Encik Hanafi Bujang dari PGN, NRES telah menyertai Geo Connect Asia 2025, sebuah platform serantau yang menghimpunkan pemain industri geospasial dari sektor awam dan swasta. Acara tahunan ini merangkumi sesi perkongsian, forum, pameran dan pembentangan inisiatif geospasial meliputi pemantauan bumi, maklumat digital bawah tanah dan pembinaan digital.

